



## **NOTA PERCAKAPAN**

**YANG BERTHORMAT  
DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED  
SADIQUE  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS MENANDATANGANI  
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
KEMENTERIAN PERPADUAN  
NEGARA (KPN) BERSAMA DEWAN  
BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)**

**31 OKTOBER 2022 (ISNIN)**

Assalamualaikum  
warahmatullahi  
wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan  
Salam Perpaduan  
Keluarga Malaysia,

**[SALUTASI]**

# PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah dan rahmat-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini bagi menyaksikan pemeteraian

Memorandum  
Persefahaman (MoU) di  
antara Kementerian  
Perpaduan Negara  
(**KPN**) bersama pihak  
Dewan Bahasa dan  
Pustaka (**DBP**).

2. Setinggi-tinggi  
penghargaan dan

ucapan terima kasih  
yang tidak terhingga  
kepada pihak DBP  
kerana sudi untuk  
bekerjasama bersama  
KPN dalam usaha kita  
untuk sama-sama  
memartabatkan Bahasa  
Melayu di segenap  
peringkat, termasuklah

di dalam aspek  
pemeriksaan agenda  
perpaduan nasional  
yang dipelopori oleh  
KPN.

3. Terima kasih juga saya  
ucapkan kepada pihak  
DBP di atas kerjasama  
erat yang telah

diberikan sebelum ini  
bagi pelaksanaan  
program-program  
anjuran KPN, antaranya  
Debat Perpaduan  
Keluarga Malaysia Piala  
Menteri Perpaduan  
Negara Tahun 2022  
yang telah berlangsung  
di Universiti Teknologi

Malaysia (UTM) Johor  
pada 13 Ogos yang  
lepas dan yang terkini  
iaitu Pertandingan Koir  
Perpaduan Keluarga  
Malaysia Piala Menteri  
Perpaduan Negara  
Peringkat Kebangsaan  
Tahun 2022 pada 30  
Oktober 2022.



**MEMARTABAT**

**KEDUDUKAN BAHASA**

**MELAYU**

YBhg. Prof. Datuk Seri Dr.,

YBhg. Datuk, YBhg.

Dato', YBrs. Dr., Tuan,

Puan,

4. Usaha memperkasa Bahasa Melayu adalah bergerak seiring dengan agenda perpaduan negara yang dibawa oleh Kerajaan. Di dalam demografi dinamik negara yang majmuk dan berbilang bangsa seperti

Malaysia, pembentukan  
identiti nasional di  
bawah satu bahasa  
adalah penting bagi  
membentuk  
penyatupaduan  
menyeluruh  
masyarakatnya.

Sebagai Bahasa  
Kebangsaan, Bahasa

Melayu juga adalah **merupakan Bahasa Perpaduan** dalam membentuk integrasi antara kepelbagaian budaya Malaysia yang **rencam**.

5. Status Bahasa Melayu sebagai **Bahasa**

Kebangsaan telah disepakati sebagai salah satu elemen kontrak sosial dalam pembentukan negara bangsa Malaysia yang merdeka dan berdaulat, selain daripada kedudukan agama Islam sebagai agama

Persekutuan serta kedaulatan Raja-Raja Melayu yang dijunjung sehingga ke hari ini.

6. Ini adalah salah satu manifestasi perpaduan dan toleransi yang telah dibina oleh tokoh-tokoh kemerdekaan kita, agar

generasi masyarakat  
majmuk Keluarga  
Malaysia pada hari ini  
dapat bersatu-padu dan  
berkongsi satu identiti  
yang sama melalui satu  
bahasa.

7. Dalam merealisasikan  
hasrat ini, kedudukan

Bahasa Melayu sebagai  
Bahasa Kebangsaan  
telah termaktub di  
bawah **Perkara 152**  
**Perlembagaan**  
**Persekutuan**, dan  
diperkasakan melalui  
**Akta Bahasa**  
**Kebangsaan** serta  
pemakaian Bahasa



Melayu di sektor awam  
yang digariskan melalui

**Pekeliling**

**Perkhidmatan**

**Bilangan 1 Tahun**

**2020** keluaran Jabatan

Perkhidmatan Awam

(JPA).

8. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kedudukan Bahasa Melayu terus dimartabatkan melalui pentadbiran Kerajaan pada hari ini. Seiring dengan taraf yang pernah dicapai Bahasa

Melayu sebagai '*lingua franca*' di rantau Asia Tenggara pada masa lampau, Malaysia turut pernah mencadangkan agar Bahasa Melayu dipertimbang sebagai bahasa kedua ASEAN, selaras dengan kedudukannya yang

mempunyai penutur terbesar di rantau ini.

9. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob juga adalah merupakan pemimpin pertama negara yang mengangkat tinggi

martabat bahasa  
ibunda kita apabila  
beliau berucap  
sepenuhnya di dalam  
Bahasa Melayu semasa  
Perhimpunan Agung  
Pertubuhan Bangsa-  
Bangsa Bersatu (PBB)  
ke-77 di New York,  
Amerika Syarikat pada

24 September 2022  
yang lepas.

**PEMERKASAAN**  
**BAHASA MELAYU DI**  
**DALAM AGENDA**  
**PERPADUAN NASIONAL**

Hadirin yang saya kasihi,

10. Bahasa Melayu perlulah dimartabatkan setara dengan kedudukannya sebagai Bahasa Kebangsaan di segenap peringkat termasuklah melalui usaha-usaha penghayatan perpaduan dalam

kalangan masyarakat  
Keluarga Malaysia yang  
berbilang kaum.

11. Dalam membentuk  
identiti nasional seluruh  
masyarakat Malaysia  
yang berbilang bangsa  
dan agama, KPN turut  
menitik beratkan



penghayatan Bahasa  
Melayu sebagai tunjang  
kepada asas  
pembentukan negara.  
Usaha ini adalah selari  
dengan kefahaman kita  
dalam mengangkat  
nilai-nilai yang  
terkandung di dalam  
Perlembagaan

Persekutuan sebagai undang-undang yang tertinggi di dalam negara dan telah disepakati semua kaum atas semangat perpaduan dan saling bertolak ansur sejak era kemerdekaan lagi.

12. Melalui **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** yang telah dirangka oleh KPN, hasrat ini telah diletakkan sebagai salah satu strategi di bawah **Teras 1 : Patriotisme dan Demokrasi** serta **Teras**

**2 : Identiti Nasional** di dalam mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi perpaduan.

13. Selain itu, dalam menterjemah dokumen dasar ini, KPN juga telah merangka **Pelan**

**Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** sebagai satu panduan ke arah pelaksanaan objektif DPN melalui program-program yang telah disusun rapi dengan kerjasama pelbagai pihak.

14. Selaras dengan  
Aspirasi Keluarga  
Malaysia yang  
diilhamkan oleh Yang  
Amat Berhormat  
Perdana Menteri, KPN  
turut membangunkan  
**KAMI@Pelan**  
**Perpaduan Keluarga**

## **Malaysia 2021-2025**

bagi mendokong aspirasi ini yang bersandarkan kepada gabungan nilai dan ciri-ciri Keluarga Malaysia iaitu **Keterangkuman, Kebersamaan** dan **Kesyukuran.**

15. Dalam merealisasikan usaha yang telah dirangka ini, KPN amat berbesar hati untuk terus menjalankan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak, sama ada badan-badan berkanun seperti DBP, institusi-institusi



pengajian tinggi (IPT),  
badan-badan bukan  
kerajaan (NGO)  
mahupun pihak swasta.  
Ini adalah salah satu  
pendekatan yang  
menyeluruh atau  
konsep “*whole of  
nation*” yang diterapkan  
supaya usaha-usaha

memperkokuh agenda  
perpaduan negara  
dapat digerakkan  
secara bersama  
dengan semua pihak.

16. Melalui kerjasama  
strategik bersama DBP,  
pelbagai bentuk  
usahasama dapat

diteroka                      secara  
bersama.      Antaranya  
melalui –

a. **penyelidikan;**

b. **penerbitan;**

c. **program-program  
kebahasaan      dan**

**kesusasteraan;**

meliputi

**d. kegiatan**

**penggalakan,**

**pemupukan,**

**pengiktirafan, serta**

**bimbingan dan**

**latihan.**

17. Malah, KPN juga amat berbesar hati untuk memberi kerjasama penuh di dalam merealisasikan **Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan** melalui pelaksanaan apa jua program dari semasa ke semasa

yang dilihat dapat memanfaatkan kedua-dua belah pihak terutamanya dalam memperkukuhkan lagi agenda perpaduan dan integrasi nasional melalui kebahasaan.

18. Saya juga percaya, kerjasama strategik ini dapat memberi ruang dan peluang kepada KPN untuk meneroka dengan lebih mendalam apa-apa inisiatif lain yang boleh ditambah baik dengan bantuan pihak DBP terutamanya

bagi perkhidmatan-  
perkhidmatan teras  
sedia ada di bawah  
Kementerian.

## **PENUTUP**

YBhg. Prof. Datuk Seri Dr.,  
YBhg. Datuk, YBhg. Dato',



YBrs. Dr., Tuan, Puan yang  
saya hormati,

19. Saya merakamkan  
setinggi-tinggi  
penghargaan dan  
ucapan terima kasih  
kepada pihak Lembaga  
Pengelola DBP serta  
seluruh pengurusan

dan warga DBP di atas  
persetujuan untuk kita  
memeterai kerjasama  
dalam menambah baik  
mutu penyampaian  
perkhidmatan kepada  
seluruh Keluarga  
Malaysia.

20. Semoga dengan usaha murni ini dapat kita realisasikan hasrat untuk sama-sama memartabatkan Bahasa Melayu sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal bagi seluruh masyarakat

Malaysia tanpa mengira  
latar kaum, bahasa atau  
agama.

Sekian, Wabillahi Taufik  
Wal Hidayah,  
Wassalamualaikum  
Warahmatullahi  
Wabarakatuh.